

AL-ASMĀ' AL-ḤUSNĀ DALAM WACANA AKIDAH

Mohd Fauzi Hamat*
Mohd Hasrul Shuhari**

Khulasah

Allah SWT memiliki nama-nama indah yang dikenali sebagai *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Kefahaman tentang nama-nama Allah SWT merupakan asas pencapaian *ma'rifatullāh*. Dalam wacana akidah, topik *al-Asmā' al-Ḥusnā* yang termasuk sebahagian daripada topik perbincangan *al-ilāhiyyāt* dibahaskan oleh para ulama dalam karya-karya akidah yang dikarang oleh mereka. Makalah ini akan menjelaskan pandangan para ulama bermazhab *al-Ashā'irah* dalam membahaskan *al-Asmā' al-Ḥusnā* menerusi karya-karya ilmiah mereka. Sebelum itu, akan diterangkan terlebih dahulu bagaimana kefahaman terhadap *al-Asmā' al-Ḥusnā* boleh membantu manusia mencapai *ma'rifatullāh* berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Makalah ini akan merumuskan bahawa *al-Asmā' al-Ḥusnā* mendapat tempat utama dalam karya-karya akidah Islam seperti al-Juwaynī (m. 478H), al-Ghazālī (m. 505H) dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H). Tumpuan perbincangan ialah huraian tentang konsep *al-Asmā' al-Ḥusnā*, pembahagian nama-nama Allah SWT dan kepentingan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam pembentukan akhlak manusia.

Katakunci: *al-Asmā' al-Ḥusnā*; *ma'rifatullāh*; *al-ilāhiyyāt*; karya ulama *al-mutakallimīn*; *al-Ashā'irah*; al-Juwaynī; al-Ghazālī; Fakhr al-Dīn al-Rāzī; akhlak Islam.

* Mohd Fauzi Hamat (PhD), Profesor Madya dan Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Mohd Hasrul Shuhari, calon PhD Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Abstract

Allah has beautiful names, known as *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Understanding God's names is a basic requirement for achieving the *ma'rifatullāh*. The topic of *al-Asmā' al-Ḥusnā*, which is one of the topics being discussed in *al-ilāhiyyāt*, has often been dealt with by Muslim theologians. This article describes the views of Muslim theologians from the Ash'arite school of thought. It first explains how the understanding of *al-Asmā' al-Ḥusnā* can help people to achieve *ma'rifatullāh* based on the Qur'an and the Sunnah. This paper concludes that the discourse of *al-Asmā' al-Ḥusnā* has a major position in the works of Muslim theologians such as al-Juwaynī (d. 478H), al-Ghazālī (d. 505H) and Fakhr al-Dīn al-Rāzī (d. 606H). In their work, they focused on the concept of *al-Asmā' al-Ḥusnā*, the classification of the names of God and the importance of *al-Asmā' al-Ḥusnā* for developing human character.

Keywords: *al-Asmā' al-Ḥusnā*; *ma'rifatullāh*; *al-ilāhiyyāt*; work of Muslim theologians; *al-Ashā'irah*; al-Juwaynī; al-Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī; Islamic ethics (*akhlāq*).

Pendahuluan

Allah SWT memiliki nama-nama indah yang dikenali sebagai *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Penghayatan terhadap nama-nama ini mampu memberi natijah yang sangat baik kepada kehidupan manusia. Oleh itu, kefahaman terhadap pengertian nama-nama Allah SWT yang indah ini dan pengaruh penghayatannya dalam mencorakkan kehidupan manusia adalah amat perlu dimiliki oleh setiap muslim. Dalam wacana akidah, topik *al-Asmā' al-Ḥusnā* dibahaskan di bawah subtopik *al-ilāhiyyāt* kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan pencapaian *ma'rifatullāh* seperti yang dibahaskan oleh para ulama muktabar terdahulu di dalam kitab-kitab mereka. Mereka menjelaskan bahawa *al-Asmā' al-Ḥusnā* dapat membantu manusia mencapai *ma'rifatullāh*, sebagaimana yang diterangkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Makalah ini akan menjelaskan kedudukan *al-*

Asmā' al-Ḥusnā dalam perbahasan akidah dan menghuraikan idea-idea utama ulama dalam membahaskan tentang al-Asmā' al-Ḥusnā.

***Al-Asmā' al-Ḥusnā* dan Pencapaian *Ma'rifatullāh*.**

Bicara yang paling mulia ialah bicara tentang Allah SWT yang memiliki sifat-sifat mulia dan terhindar dari sifat-sifat tercela. Manakala ilmu tentang Allah SWT mencakupi pemahaman tentang kewujudan Allah SWT, nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya adalah sebaik-baik ilmu. Ini kerana, kemuliaan tentang sesuatu ilmu bergantung kepada kemuliaan *subject matter* atau *mawḍū'ī* ilmu tersebut.¹ Kemuliaan yang dikurniakan kepada manusia terletak pada sejauh mana manusia memperolehi ilmu yang paling mulia dan utama iaitu ilmu tentang Tuhan kerana ilmu tersebut merupakan jalan kepada ketakwaan. Ilmu yang perlu didahulukan oleh manusia dalam pencarian ilmu ialah ilmu yang paling asas, jelas dan yang paling berfaedah baginya, khususnya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu utama dalam agama, khususnya ilmu Tauhid.² Kepentingan ilmu ini boleh dilihat berdasarkan gesaan al-Quran itu sendiri yang menekankan kepentingan dimulai aktiviti pembacaan atau penerokaan ilmu dengan ilmu berkaitan Tuhan yang menjadikan manusia daripada segumpal darah, Tuhan yang mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui. Firman Allah SWT:

¹ Muḥammad al-Sayyid Na'im (1959), *Al-Falsafah al-Islāmiyyah wa Ṣilatuhā bi al-Falsafah al-Yūnāniyyah*, cet. 2, Kaherah: Dār al-Ṭibā'ah al-Muḥammadiyyah, h. 193.

² Aḥmad Makkī bin 'Abdullāh Maḥfūz (t.t.), *Tarjamah Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum li Shaikh al-Zarnūjī*, T.T.P.: T.P., h. 7-8.

أَقْرَأَ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ أَقْرَأَ ۝ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah. Yang Mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

Surah al-'Alaq, (96): 1-5.

Firman-Nya lagi:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ
السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ۝

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.

Surah al-Nahl, (16): 78.

Kedudukan ilmu akidah ini jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang lain umpama kedudukan Allah SWT dengan makhluk-makhluk-Nya. Ilmu ini merupakan sumber segala ilmu yang menjadi asas keimanan.³ Sebab itu, ilmu tentang Tuhan adalah disifatkan sebagai ilmu pertama yang perlu dipelajari. Setiap *mukallaf* wajib mengenali Allah SWT melalui penelitian terhadap

³ Al-Qahtānī, Sa'īd ibn 'Alī ibn Wahf (t.t.), *Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā fī Daw'ī al-Kitāb wa al-Sunnah*, T.T.P.: T.P., h. 10-11.

keterangan nas-nas al-Quran, hadis dan renungan terhadap tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya sebagaimana yang dinyatakan oleh para ulama muktabar. Firman Allah SWT:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلِّبِكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ﴿١٩﴾

Maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan selain Allah dan mohonlah ampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan. Dan Allah mengetahui tempat kamu berusaha dan tempat kamu tinggal.

Surah Muḥammad, (47): 19.

Allah SWT telah memerintahkan nabi-Nya dan orang-orang yang beriman agar mengenali Allah SWT secara pasti dan yakin bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT. Ilmu tentang hakikat ini dan segala yang berkaitan dengannya adalah wajib dipelajari.⁴ Ilmu inilah yang dimaksudkan oleh al-Kindī sebagai falsafah pertama iaitu ilmu tentang penyebab pertama (*al-‘ilah al-‘ūlā*) atau ilmu tentang hak atau kebenaran pertama (*al-ḥaqq al-awwal*) yang merupakan penyebab bagi setiap hak. Ini kerana, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, kemuliaan sesuatu ilmu terletak pada kemuliaan mauduk kajiannya. Begitu juga ilmu tentang sebab atau *al-‘ilah* iaitu Allah SWT lebih mulia berbanding ilmu tentang musabab atau *al-ma‘ūl*. Selain itu, penguasaan ilmu tentang sebab juga

⁴ Nūḥ ‘Alī Salmān (2004), *Al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd., h. 26, 33.

adalah jalan untuk memahami musabab (*al-ma'ālū*). Dalam erti kata yang lain, boleh dinyatakan bahawa ilmu tentang pencipta iaitu Allah SWT adalah lebih mulia berbanding ilmu tentang ciptaan-Nya. Dan ilmu tentang pencipta juga adalah jalan untuk memahami tentang ciptaan-Nya. Sebagai contoh untuk memahami tentang alam ini dengan lebih baik, kita perlu memahami terlebih dahulu tentang penciptanya yang menyebabkan terciptanya alam maya ini iaitu Allah SWT. Beliau juga menjelaskan bahawa ilmu itu merujuk kepada ilmu tentang urusan-urusan Ketuhanan (*umūr ilāhiyyah*).⁵ Manusia tidak akan memperolehi ilmu yang sempurna jikalau dia tidak berjaya memahami ilmu tentang Tuhan.

Kedudukan ilmu tersebut dapat dianalogikan seperti setiap kewujudan makhluk-makhluk-Nya yang sangat bergantung kepada kewujudan Allah SWT. Allah SWT merupakan Tuhan, Pemilik dan Pencipta segala sesuatu. Jadi, sudah pasti kedudukan ilmu ini begitu tinggi. Sesiapa yang tidak mengenali Allah SWT, nescaya ia tidak akan mengetahui perkara-perkara yang lain selain-Nya. Mereka juga tidak mengetahui hakikat kehidupan dan kewujudan mereka. Manusia yang melupai Allah SWT adalah merupakan orang-orang yang fasik. Lantaran itu, kehidupan mereka adalah sia-sia.⁶ Firman Allah SWT:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ
الْفَاسِقُونَ ﴿٩﴾

Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa

⁵ Muḥammad al-Sayyid Na'im (1959), *op. cit.*, h. 193-194.

⁶ Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (2007), *Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, taḥqīq Yūsuf 'Alī Budaywī dan Ayman 'Abd al-Razzāq al-Shawwā, Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 29.

kepada mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasik

Surah al-Hashr, (59): 19.

Manusia perlu mengetahui tentang dalil-dalil kewujudan Allah SWT, sifat-sifat dan nama-nama-Nya. Al-Quran telah menunjukkan bukti-bukti kewujudan Allah SWT melalui tanda-tanda yang terdapat pada alam ini. Al-Quran sendiri menampilkan banyak ayat yang menggesa manusia membuat kajian dan renungan terhadap semua makhluk dan tanda-tanda yang dapat membuktikan kewujudan Allah SWT.⁷ Firman Allah SWT:

قُلْ أَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ
عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠١﴾

Katakanlah: Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi. Tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang-orang yang tidak beriman.

Surah Yūnus, (10): 101.

Firman-Nya lagi:

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ ﴿١٢٤﴾ أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿١٢٥﴾ ثُمَّ
شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿١٢٦﴾ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿١٢٧﴾ وَعَبَبْنَا وَقَضَبًّا ﴿١٢٨﴾

⁷ Al-Ghazālī (t.t.), *al-Iqtisād fī al-ʿItiqād*. Muḥammad Rashād ʿAbd al-ʿAzīz (tahqiq), Kaherah: Maktabah al-Kuliyyāt al-Azhariyyah, h. 273.

وَزَيْتُونًا وَخَلًّا ﴿١٦٠﴾ وَحَدَائِقَ غُلْبًا ﴿١٦١﴾ وَفَيْكِهَةً وَأَبًّا ﴿١٦٢﴾ مَتَّعًا لَكُمْ
وَلَا نَعْمِكُمْ ﴿١٦٣﴾

Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya. Sesungguhnya Kami benar-benar telah mencurahkan air (dari langit). Kemudian Kami belah bumi dengan sebaik-baiknya. Lalu Kami tumbuhkan biji-bijian di bumi itu, anggur dan sayur-sayuran, zaitun dan kurma. Kebun-kebun (yang) lebat. Dan buah-buahan serta rumput-rumputan. Untuk kesenanganmu dan untuk binatang-binatang ternakanmu.

Surah 'Abasa, (80): 24-32.

Al-Quran juga menyeru manusia agar membuat kajian dengan menggunakan pancainderanya yang tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu dan taklid buta untuk meneliti tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا
يَفْقَهُونَ بِهَا ۚ وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا ۚ وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ
أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلَّغُوا أُمَّةً ۗ أُولَٰئِكَ هُمُ الْعَافِلُونَ ﴿١٧٤﴾

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia. Mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai

telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu umpama binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.

Surah al-A'raf, (7): 179.

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الضُّمُّ الْبِكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٢﴾

Sesungguhnya binatang (makhluk) yang seburuk-buruknya pada sisi Allah ialah orang-orang yang pekak dan bisu yang tidak mengerti apa-apa pun.

Surah al-Anfāl, (8): 22.

Umat Islam tidak digalakkan untuk terlibat secara mendalam membincangkan perbahasan akidah yang berkait dengan hakikat ketuhanan. Sudah cukup bagi mereka untuk mencapai makrifah tentang Allah SWT dengan memahami bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Esa, yang tiada sekutu bagi-Nya, tiada sesuatu pun yang menyerupai-Nya, tiada anak dan tidak diperanakkan, tiada isteri, Tuhan yang memiliki sifat-sifat yang mulia yang layak bagi-Nya dan terpelihara daripada sifat-sifat yang tercela. Manakala, ulama yang arif dalam bidang pengajian akidah boleh terlibat dalam perbincangan tentang permasalahan akidah yang lebih terperinci berdasarkan keterangan yang terdapat dalam al-Quran, hadis dan berdasarkan penelitian terhadap pandangan para ulama yang mentafsirkan dua sumber tersebut berdasarkan ijtihad mereka. Mereka bertanggungjawab untuk mempertahankan akidah Islam dengan menolak segala serangan dan

tohmahan musuh-musuh Islam.⁸ Rentetan daripada inilah, munculnya satu disiplin ilmu dalam Islam yang dikenali sebagai ilmu kalam, iaitu satu disiplin ilmu yang dihasilkan untuk mempertahankan doktrin-doktrin akidah Islam dan menolak kekeliruan-kekeliruan atau kesamaran yang menyingkari persoalan akidah.⁹

Perbincangan tentang nama-nama Allah SWT memang disentuh dalam tradisi pengajian Islam, khususnya dalam pengajian akidah. Ketika Rasulullah s.a.w mula berdakwah, perkara pertama yang baginda s.a.w perkenalkan ialah memperkenalkan Tuhan Yang Maha Esa di samping meluruskan kekeliruan dan kesesatan masyarakat *Jāhiliyyah*. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi s.a.w juga mengandungi perkataan-perkataan yang menjelaskan tentang Allah SWT.¹⁰ Firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

⁸ Nūh 'Alī Salmān (2004), *op. cit.*, h. 26-27.

⁹ Ibn Khaldūn, 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Jayl, h. 507.

¹⁰ M. Quraish Shihab (2005), *Menyingkap Tabir Ilahi Asma Al Husna Dalam Perspektif Al-Qur'an*, Jakarta: Penerbit Lentera Hati, h. xxviii.

Surah al-'Alaq, (96): 1-5.

Dalam ayat ini, Allah SWT tidak menggunakan perkataan *Allāh* tetapi menggunakan perkataan *Rabb*. Setelah perkataan ini digunakan berkali-kali, kaum musyrikin meminta Nabi s.a.w untuk menjelaskan sifat-sifat Tuhan. Maka turunlah penjelasan tentang Allah SWT di dalam surah al-Ikhlās.¹¹ Firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ
لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Katakanlah: Dialah Allah, yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan-Nya.

Surah al-Ikhlās, (112): 1-4.

Dalam disiplin pengajian akidah, perbincangannya mencakupi tiga persoalan besar iaitu ketuhanan, kenabian dan *al-sam'īyyāt*. Dalam bahagian ketuhanan, perbincangan isu ketuhanan, khususnya yang dipelopori oleh pendekatan *mutakallimīn*, lebih tertumpu kepada permasalahan-permasalahan berkait dengan dalil-dalil kewujudan Allah SWT dan sifat-sifat Allah SWT; iaitu apa sifat yang wajib bagi Allah SWT, apa yang mustahil dan apa yang harus bagi-Nya.¹² Termasuk dalam perbincangan

¹¹ *Ibid.*, h. xxix.

¹² Al- Ghazālī menjelaskan ilmu Ketuhanan pada aspek zat-Nya, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya, lihat al-Ghazālī (1983), *al-Iqtisād fi al-'Itiqād*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 19, 53, 104. Lihat juga Nūḥ 'Alī Salmān (2004), *op. cit.*, h. 48.

tentang bab ketuhanan ini juga ialah perbincangan tentang al-Asmā' al-Ḥusnā. Pada hakikatnya, perbincangan tentang sifat-sifat Allah SWT dan nama-nama-Nya yang elok mempunyai kaitan yang amat rapat antara satu sama lain. Jadi, tidak perlu ada pertanyaan misalnya kenapa sifat-sifat Allah SWT yang wajib diketahui oleh seseorang Muslim mempunyai jumlah tertentu yang berbeza dengan jumlah nama Allah SWT yang 99 itu? Ini kerana, menurut al-Ash'arī, nama Allah SWT itu adalah terbit atau ambilan dari sifat-sifat-Nya, misalnya nama Allah SWT *al-ʿAlīm* diambil dari sifat *al-ʿIlm*, *al-Qādir* diambil dari *al-Qudrah*, *al-Ḥayy* diambil dari *al-Ḥayāt*, *al-Murīd* diambil daripada *al-Irādah*, *al-Samīʿ*, diambil daripada *al-Samʿ* dan *al-Baṣīr* diambil daripada *al-Baṣar*.¹³

Keterangan tentang nama-nama Allah SWT ini disebut sama ada di dalam al-Quran atau al-Sunnah. Menurut al-Sayyid Sābiq, pengetahuan tentang nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT adalah salah satu jalan untuk mencapai makrifah tentang Allah SWT, yang mana menerusi nama-nama dan sifat-sifat-Nya, Allah SWT memperkenalkan diri-Nya kepada makhluk. Nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT ialah jendela yang membolehkan roh manusia menyaksikan cahaya Allah SWT dan keagungan-Nya (*Anwār Allāh wa Jalāluh*).¹⁴ Keimanan seseorang tidak dianggap teguh sehinggalah mereka beriman kepada sifat-sifat-Nya Yang Maha Mulia dan mengenali-Nya sehingga mengeluarkannya dari kejahilan

¹³ Al-Ash'arī (1952), *Kitāb al-Luma' fi al-Radd 'alā Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*, Beirut: Maṭba'ah al-Kāthūlikiyyah, h. 4. Lihat juga Mudāsir Rosder (1989), *Asas Tauhid: Pertumbuhan dan Huraianannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24. *Al-Asmā' al-Ḥusnā* pada masa yang sama ialah sifat-sifat Allah, lihat Ḥasan Muḥammad Ḥilmī (2002), *Dandanah fi Rihāb Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, T.T.P.: T.P., h. 5.

¹⁴ Al-Sayyid Sābiq (2000), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: Al-Fatḥ li al-ʿIlām al-'Arabī, h. 22.

tentang Allah SWT. Keimanan ini dianggap asas Islam, maka jika tidak diyakini secara *jazam*, nescaya runtuhlah pegangan Islam, iman dan ihsan mereka.¹⁵

Allah SWT menyeru manusia agar berdoa dengan menyebut nama-nama-Nya. Firman-Nya:

قُلْ اَدْعُوا اللّٰهَ اَوْ اَدْعُوا الرَّحْمٰنَ اَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْاَسْمَاءُ الْحُسْنٰى
وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيْلًا ﴿١٠﴾

Katakanlah: Serulah Allah atau serulah Al-Raḥmān. Mana-mana [nama] yang kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang elok dan janganlah kamu meninggikan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendharkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu (iaitu antara terlalu meninggikan suara dengan terlalu memperlahkannya).

Surah al-Isrā', (17): 110.

Nabi s.a.w juga mengajar umatnya menyebut nama Allah SWT sebelum membuat sesuatu supaya amalan tersebut diberkati dan tidak sia-sia. Sabda Nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ كَلَامٍ أَوْ أَمْرٍ
ذِي بَالٍ لَا يُفْتَحُ بِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَهُوَ أَبْتَرُ أَوْ قَالَ أَقْطَعُ¹⁶

¹⁵ Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (2007), *op. cit.*, h. 30.

¹⁶ Perkataan *aqṭa'* sama ertinya dengan perkataan *abtar*, iaitu "terputus daripada keberkatan atau terputus segala keberkatan", lihat Ibn Manẓūr, Muḥammad ibn Mukrim (t.t.), *Lisān al-'Arab*, juz. 4, Maktabah Shāmilah, edisi kedua, Beirut: Dār Ṣādir, h. 37. Lihat juga Ḥāshiyah al-Sindī 'Alā Ibn Mājah, *Kitāb al-Nikāḥ*, *Bāb al-Khuṭbah al-Nikāḥ*, no. hadis 1884, juz. 4, Maktabah Shāmilah, edisi kedua, h. 148. Lihat juga al-Rāzī, Zayn al-Dīn (t.t.), *Mukhtār*

Daripada Abu Hurayrah, telah berkata: Nabi s.a.w bersabda: Setiap perkataan atau setiap perkara yang penting yang tidak dimulai dengan menyebut nama Allah Azza wa Jalla maka ia kurang keberkatan.¹⁷

Di antara nama-nama Allah SWT yang indah ialah perkataan Allah SWT itu sendiri. Di samping itu, *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm*. Nama-nama ini disebut di awal setiap perkara yang dilakukan yang menandakan bahawa mereka yang ingin melakukan perbuatan itu, mengharapkan bantuan dan rahmat Allah SWT. Setelah membaca *basmalah*, dianjurkan juga dia memuji Allah SWT iaitu dengan mengucapkan kalimah al-ḥamdulillah. Ia menepati surah al-Fāṭilah yang dimulai dengan bacaan *basmalah*. Kemudiannya disusuli dengan kalimah pujian bagi Allah SWT.¹⁸ Firman Allah SWT dalam *Surah al-Fāṭilah*, (1): 1-2:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam.

al-Ṣiḥāḥ, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 22. Perkataan *abtar* juga bermaksud "kurang". Jadi, apabila dikaitkan dengan hadis tersebut, maka ia bermaksud "kurang keberkatan", lihat *al-Muḥjam al-'Arabī al-Asāsī*, al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 130.

¹⁷ Aḥmad ibn Ḥanbalī: *Musnad Aḥmad, Bāb Musnad Abī Hurayrah Raḍiyallāhu 'anhu*, no. hadis. 8355, juz. 17, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 397. Dalam riwayat yang lain yang bertaraf hadis hasan, disebut *bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, lihat al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn (t.t.), *Jam' al-Jawāmi' aw al-Jāmi' al-Kabīr li al-Suyūṭī*, juz. 1, ḥarf al-kāf, Maktabah Shāmilah, edisi 3, h. 15787.

¹⁸ Nūḥ 'Alī Salmān (2004), *op. cit.*, h. 21.

Di dalam suatu hadis, dinyatakan bahawa nama-nama Allah SWT yang elok itu berjumlah 99, sesiapa yang menghafalnya, iaitu dengan mengingatkannya, menghayati pengertiannya dan merasakan kesannya di dalam jiwa, maka dia akan masuk syurga. Sabda Nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Daripada Abu Hurayrah daripada Nabi s.a.w telah bersabda: Sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang menghafalnya, nescaya akan memasuki syurga.¹⁹

Sebenarnya, jumlah al-Asmā' al-Ḥusnā adalah banyak yang hanya diketahui oleh Allah SWT.²⁰ Ada pandangan yang menyatakan bahawa penetapan nama Allah SWT ini kepada 99 sahaja kerana adanya kekhususan atau keistimewaan orang yang menghafalnya akan memasuki syurga atau kekhususan nama-nama tersebut dari segi adanya tambahan kelebihan pada [nama-nama tersebut yang mengisyaratkan] pemeliharaan [Tuhan menerusi sifat dan nilai yang terkandung di dalamnya] terhadap perkara-perkara utama [yang menentukan kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat], penuhi terhadap keperluan [mahluk] dan kerana

¹⁹ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysaburī. *Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḍl Man Aḥṣāhā*, no hadis. 4836, juz 13, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 171.

²⁰ Aḥmad 'Abd al-Jawwād (t.t.), *Wa Lillāh al-Asmā' al-Ḥusnā*, Kaherah: Dār al-Bayān li al-Turāth, h. 8. Lihat juga Muḥammad Bakr Ismā'il (2000), *Asmā'ullāh al-Ḥusnā Athāruhā wa Asrāruhā*, Kaherah: Dār al-Manār, h. 5.

adanya hikmah tertentu nama-nama lain selain dari nama yang 99 ini disembunyikan dari pengetahuan makhluknya.²¹

Berhubung dengan maksud kelebihan menghafal nama-nama Allah SWT yang mana ganjarannya adalah syurga, ulama telah berbeza pendapat mengenainya. Menurut al-Bukhārī dan ulama *muḥaqqiqīn*, ia merujuk kepada orang yang menghafal nama-nama Allah SWT. Pendapat ini disokong dengan riwayat lain yang mempunyai matan *man ḥafīzahā* yang bermaksud "sesiapa yang menghafalnya". Menurut pendapat lain, maksud orang yang menghafal nama-nama Allah SWT ialah orang yang menghayati nama-nama Allah SWT sebaik-baiknya, menjaga segala tuntutan nama-nama Allah SWT dan membenarkan makna-maknanya. Selain itu, ada juga ulama lain yang menjelaskan bahawa ia merujuk kepada orang yang beramal dengan nama-nama Allah SWT, taat kepada nama-nama Allah SWT dan beriman dengan nama-nama Allah SWT tersebut.²²

Menurut al-Khaṭṭābī, maksud ayat *aḥṣāhā* mungkin boleh dilihat dalam empat pengertian:²³

1. Menghitungnya di dalam hafalan dan digunakan ketika berdoa kepada Allah SWT.
2. Berusaha menghayati nama-nama Allah SWT sebaik-baiknya dan memperelokkan penjagaannya serta menjaga batasan-batasannya ketika berkirabicara atau bermuamalah dengan Allah SWT.

²¹ Al-'Uryānī, 'Uthmān al-Kulaysī (2002), *Khayr al-Qalā'id fī Sharḥ Jawāhir al-'Aqā'id*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 35.

²² Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā ibn Sharf, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḥl Man Aḥṣāhā*, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 39.

²³ Muḥammad 'Abd al-'Azīz al-Hallāwī (2002), *Walillāh al-Asmā' al-Ḥusnā Fad'ūhu Bihā*, Riyāḍ: Maktabah al-Sa'ī, h. 22-25.

3. Memikirkan, mempelajari dan beriman dengan nama-nama Allah SWT, ganjarannya adalah syurga Allah SWT.
4. Merujuk kepada menghafal al-Quran dan membacanya, ganjarannya ialah akan diberi syurga. Namun, al-Nawawi dalam kitab *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim* mengatakan pendapat ini lemah.²⁴

Ibn 'Atā'illah dalam kitabnya *Allāh al-Qaṣd al-Mujarrad fī Ma'rifah al-Ism al-Mufrad*, membahagikan kepada tiga pendapat ketika mengkategorikan golongan yang menghimpunkan nama Allah SWT ketika merujuk kepada hadis yang menyatakan ganjaran syurga bagi mereka yang menghafalnya iaitu:²⁵

- a) Golongan yang menghafal nama-nama Allah SWT melalui kaedah pembenaran, keyakinan dan ucapan.
- b) Golongan yang menghafal nama-nama Allah SWT melalui kaedah penjagaan diri dan suluk.
- c) Golongan yang menghafal nama-nama Allah SWT melalui kaedah zikir, pemeliharaan, pengetahuan, makrifah, akhlak, penyaksian, pengagungan dan penghormatan.

Ketiga-tiga golongan tersebut akan mendapat ganjaran syurga sesuai dengan taraf amalan dan usaha mereka dalam menghayati nama-nama Allah SWT tersebut. Pengkategorian ini juga sesuai dengan keadaan

²⁴ Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā ibn Sharf, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḥl Man Aḥṣāhā*, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 39.

²⁵ Ibn 'Atā'illah al-Sakandarī (2002), *Allāh al-Qaṣd al-Mujarrad fī Ma'rifah al-Ism al-Mufrad*, Kaherah: Maktabah Madbūli, h. 44-45.

syurga yang mempunyai tingkat-tingkat tertentu. Menurut beliau lagi, makrifah yang paling utama ialah mengenali nama-nama Allah SWT dan sifat-sifat-Nya.²⁶ Jalan paling dekat untuk mendekati Allah SWT ialah apabila seseorang manusia mencapai kesempurnaan jiwa melalui latihan dalaman, sehingga ilmu pengetahuan yang tersemat di jiwa dapat dimanifestasikan atau diterjemahkan dalam bentuk akhlak yang mulia. Ia juga dicapai apabila jiwa dibersihkan dari segala kekotoran dan kemudiannya diisi dengan adab-adab yang tinggi dan bermanfaat menerusi kaedah latihan akhlah yang baik dan dilakukan secara rahsia. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan ialah:²⁷

- a) Penambahan makrifah dengan ilmu dan takwa.
- b) Bebas dari kekangan dan belenggu nafsu syahwat dan keinginan diri.
- c) Penyucian jiwa melalui kaedah berakhlak dengan akhlak Allah SWT.

Pengetahuan tentang nama-nama Allah SWT dapat membantu dalam mengenali Allah SWT atau *ma'rifatullāh*. Umat Islam perlu memahami bahawa, kedudukan ilmu yang paling mulia ialah ilmu tentang Allah SWT. Al-Quran, hadis dan alam semesta telah membuktikan kewujudan Allah SWT. Umat Islam perlu mengkaji dan memerhatikan bukti-bukti yang jelas tersebut. Tuhan yang Maha Pencipta ini perlu dikenali dengan sebaik-baiknya berdasarkan pandangan para ulama yang arif dalam bidang ilmu ini. Kepentingan ilmu ini dapat difahami apabila diperhatikan bagaimana Allah SWT telah menjelaskan tentang diri-Nya dalam wahyu pertama dan gesaan Nabi s.a.w di dalam hadisnya terhadap umat manusia agar memulakan sesuatu amalan dengan menyebut

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*, h. 42.

nama Allah SWT. Tujuannya ialah supaya orang yang menyebutnya akan mendapat keberkatan dalam melakukan sesuatu kerja.

Dalil-dalil *al-Asmā' al-Ḥusnā*.

Terdapat dalil-dalil yang menyentuh tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* di dalam al-Quran dan hadis. Kefahaman dan pengetahuan mengenai dalil-dalil ini diharapkan akan mendorong kepada penghayatan yang baik terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam kehidupan manusia. Nama-nama Allah SWT telah disebut berulang-ulang kali di dalam al-Quran dan hadis. Ini menunjukkan bahawa penghayatan terhadap nama-nama Allah SWT di dalam kehidupan manusia sangat penting. Umat Islam perlu memahaminya agar mereka dapat menghayatinya sebaik mungkin dan mereka tidak hanya sekadar menyebut-nyebut dan menghafalnya sahaja tanpa memberi kesan yang signifikan dalam kehidupannya. Penghayatan ini juga sangat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat kelak.

Dalil-dalil al-Quran.

Allah SWT telah mewahyukan nama-nama-Nya yang indah dalam tiga puluh tiga surah di dalam al-Quran. Terdapat surah yang mempunyai satu nama Allah SWT, terdapat juga surah yang banyak memaparkan nama-nama Allah SWT. Allah SWT telah menurunkan nama-nama-Nya secara berulang-ulang agar dapat diambil pengajaran oleh umat Islam. Berikut adalah nama-nama Allah SWT yang disebut di dalam al-Quran yang sebahagiannya tidak disebut di dalam hadis al-Turmudhī.

Nama-nama ini yang berjumlah 99 nama sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:²⁸

JADUAL 1

Bil	Nama Surah	<i>Al-Asmā' Al-Ḥusnā</i> dan Nombor Ayat
1.	Al-Fātiḥah	Allāh (1 dan 2), Al-Rabb (2), Al-Raḥmān (1 dan 3), Al-Raḥīm (1 dan 3), Al-Mālik (4)
2.	Al-Baqarah	Al-Muḥīt (19), Al-Qadīr (20), Al-'Alīm (32), Al-Ḥakīm (33), Al-Tawwāb (37), Al-Bāri' (54), Al-Baṣīr (96), Al-'Azīm (105), Al-Samī' (127), Al-'Azīz (129), Al-Ra'ūf (143), Al-Shākīr (158), Al-Ilāh (163), Al-Wāḥid (163), Al-Ghafūr (173), Al-Qarīb (186), Al-Ḥalīm (225), Al-Ḥayy (255), Al-Qayyūm (255), Al-'Aliyy (255), Al-Waliyy (257), Al-Ghaniyy (263), Al-Ḥamīd (267), Al-Khabīr (234), Al-Badī' (117)
3.	Āli 'Imrān	Al-Wahhāb (8), Al-Nāṣir (150), Al-Jāmi' (9)
4.	Al-Nisā'	Al-Raqīb (1), Al-Ḥasīb (6), Al-Shahīd (33), Al-Kabīr (34), Al-Naṣīr (45), Al-Wakīl (81), Al-Muqīt (85), Al-'Afuww (43)
5.	Al-An'ām	Al-Qāhīr (18), Al-Laṭīf (103), Al-Ḥasīb (62), Al-Qadīr (65), Al-Ḥakīm (73)
6.	Al-A'rāf	Al-Fātiḥ (89)
7.	Al-Anfāl	Al-Qawīyy (52), Al-Mawlā (40)
8.	Al-Tawbah	Al-'Alīm (15)
9.	Hūd	Al-Ḥafīz (57), Al-Mujīb (61), Al-Majīd (73), Al-Wadūd (90)
10.	Yūsuf	Al-Musta'an (18), Al-Qahhār (39), Al-Ghālīb (21)
11.	Al-Ra'd	Al-Muta'ālī (9), Al-Waliyy (11)
12.	Al-Hijr	Al-Ḥafīz (9), Al-Wārith (23), Al-Khallāq (86)
13.	Al-Kahf	Al-Muqtadir (45)

²⁸ Jadual ini berpandukan susunan *muhqiq* kitab Ibn al-Qayyim dengan sedikit pindaan pada tempat-tempat tertentu, lihat Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (2007), *op. cit.*, h. 12-14. Lihat juga Nor Azlina Abd. Aziz (t.t.), *Asmaul Husna Rahsia Kuasa Nama-Nama Allah SWT*, Kuala Lumpur: Synergy Media, h. 9-13.

14.	Maryam	Al-Ḥafīyy (47)
15.	Ṭāhā	Al-Ghaffār (82), Al-Malik (114), Al-Ḥaq (114)
16.	Al-Ḥajj	Al-Hādī (54)
17.	Al-Nūr	Al-Mubīn (25), Al-Nūr (35)
18.	Al-Naml	Al-Karīm (40),
19.	Al-Rūm	Al-Muḥyī (50)
20.	Saba'	Al-Fattāḥ (26)
21.	Fāṭir	Fāṭir (1), Al-Shakūr (30)
22.	Al-Zumar	Al-Kāfi (36)
23.	Ghāfir	Al-Khāliq (62)
24.	Al-Dukhān	Al-Muntaqim (16)
25.	Al-Dhāriyāt	Al-Razzāq (58), Al-Matīn (58)
26.	Al-Ṭūr	Al-Barr (28)
27.	Al-Qamar	Al-Malik (55)
28.	Al-Raḥmān	Dhū al-Jalāl wa al-Ikrām (27)
29.	Al-Ḥadīd	Al-Awwal (3), Al-'Ākhir (3), Al-Zāhir (3), Al-Bāṭin (3)
30.	Al-Ḥashr	Al-Quddūs (23), Al-Salām (23), Al-Mu'min (23), Al-Muḥaimin (23), Al-Jabbār (23), Al-Mutakabbir (23), Al-Muṣawwir (23)
31.	Al-A'lā	Al-A'lā (1)
32.	Al-'Alaq	Al-Akram (3)
33.	Al-Iklāṣ	Al-Aḥad (1), Al-Ṣamad (2)

Sejak dahulu lagi para ulama telah banyak membahaskan dan menafsirkan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Pelbagai pendapat yang menjelaskan tentang bilangan *al-Asmā' al-Ḥusnā* seperti pendapat mengatakan jumlahnya ialah seribu.²⁹ Pendapat lain juga mengatakan berjumlah seratus tiga puluh dua ribu dua ratus *al-Asmā' al-Ḥusnā*.³⁰ Antara

²⁹ Terdapat beberapa pendapat yang lain seperti nama-nama Allah berjumlah seratus dua puluh tujuh, seratus tiga puluh dua, dua ratus dan sebagainya, lihat M. Quraish Shihab (2005), *op. cit.*, h. xlii.

³⁰ Khairul Ghazali (2008), *Amalan & Zikir Asma Ul-Husna 99 Nama Allah*, Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., h. 1.

contoh dalil bagi *al-Asmā' al-Ḥusnā* ialah firman Allah SWT dalam *Surah Ṭāhā*, (20): 8 berikut:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ﴿٨﴾

Dialah Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Dia mempunyai nama-nama yang elok.

Al-Ḥusnā merupakan kata *mu'annath* bagi *al-aḥsan* yang bermaksud terbaik. Allah SWT memiliki nama-nama yang mana kelebihannya mengatasi nama-nama yang lain dari sudut ia mengandungi makna-makna yang paling mulia.³¹ Terdapat beberapa gugusan ayat al-Quran yang menjelaskan tentang nama-nama Allah SWT, sebagaimana berikut:

(1) Firman Allah SWT:

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ﴿٢٠٠﴾
وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَاتَّبِعْ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿٢٠١﴾

Katakanlah: Serulah Allah atau serulah Al-Raḥmān. Mana-mana [nama] yang kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang elok dan janganlah kamu meninggikan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendharkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu (iaitu antara terlalu meninggikan suara dengan terlalu memperlahankannya).

Surah al-Isrā', (17): 110.

³¹ Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn Abū Sa'īd 'Abdullāh (1988), *Tafsīr Al-Bayḍāwī al-Musammā Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, jil. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 43.

Ayat di atas menjelaskan tentang penolakan kaum kafir terhadap nama Allah SWT iaitu *al-Raḥmān*. Mereka tidak mengkategorikan *al-Raḥmān* sebagai nama-nama Allah SWT.³² Namun, Allah SWT mengizinkan penggunaan nama ini atau nama-nama yang lain, terutamanya untuk disebut ketika seseorang berdoa kepada Allah SWT.

(2) Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذُرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Hanya milik Allah nama-nama yang elok, maka mohonlah kepada-Nya dengan menyebut nama-nama yang elok itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

Surah al-A'raf, (7): 180.

Ayat ini mendedahkan perbuatan orang kafir yang telah mengubah nama Allah SWT kepada *al-Lāta*, nama *al-'Azīz* kepada *al-'Uzā* dan nama *al-Manān* kepada *Manāt*. Allah SWT memerintahkan umat Islam agar berdoa dan menamakan Allah SWT dengan *al-Asmā' al-Ḥusnā* serta tidak mengikut perbuatan orang kafir tersebut.³³

³² Sayyid Qutb (1990), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, jil. 4, juz. 12-18, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 2254.

³³ Al-Maḥallī dan al-Suyūṭī (1987), *Tafsīr al-Jalālayn*, Beirut: Dār al-Rayyān, h. 205.

(3) Firman Allah SWT:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٥٧﴾

Dialah Yang Pertama (yaitu Yang Qadim dan tidak didahului oleh sesuatu yang lain), Yang Akhir, Yang Maha Nyata [dengan menzahirkan kewujudan-Nya berdasarkan tanda-tanda kewujudan dan kebesarannya di alam ini], Yang Maha Tersembunyi [zat-Nya sehingga tidak diketahui oleh sesiapa pun], dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.

Surah al-Ḥadīd, (57): 3.

Di dalam ayat di atas, ditunjukkan lima nama bagi Allah SWT iaitu *al-Awwal* yang bermaksud Allah SWT mendahului kewujudan semua makhluk-Nya, *al-'Ākhir* yang bermaksud yang tinggal terakhir setelah kemusnahan makhluk-Nya, *al-Zāhir* bermaksud kewujudan-Nya dapat dikesan melalui tanda-tanda secara zahir seperti alam dan sebagainya, *al-Bāṭin* bermaksud hakikat zat-Nya yang tidak diketahui oleh akal-akal manusia dan 'Ālim, bermaksud Yang Mengetahui yang zahir dan tersembunyi.³⁴

(4) Firman Allah SWT:

وَاللَّهُمُّ إِلَهُ وَاحِدٌ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢١٦﴾

Dan Tuhanmu adalah Tuhan yang Maha Esa, tidak ada Tuhan melainkan Dia yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Baqarah, (2): 163.

³⁴ Al-Bayḍāwī (1988), *op. cit.*, h. 466.

Ayat di atas ditafsirkan bahawa Allah SWT adalah Tuhan Yang Tunggal dan tiada sekutu bagi-Nya. Manakala nama *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* dianggap termasuk nama-nama paling agung termasuk nama-nama-Nya yang lain iaitu *al-Ḥayy* dan *al-Qayyūm*.³⁵

(5) Firman Allah SWT:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي
السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ
إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا
وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia Yang Hidup [kekal abadi], Yang Berdiri Sendiri [dan mendirikan sesuatu yang lain, di mana dengan-Nya berdiri langit dan bumi], tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izin-Nya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Dialah

³⁵ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl (1988), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, juz. 1, Kaherah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, h. 191.

Yang Maha Tinggi [sehingga ketinggian-Nya tidak boleh digambarkan oleh akal manusia dan juga difahami] dan Yang Maha Agung [dengan mencapai puncak keagungan].

Surah al-Baqarah, (2): 255.

Ayat di atas digelar *'Āyāt al-Kursī* yang merupakan sebaik-baik ayat. Ayat ini merupakan salah satu jenis ayat daripada tiga jenis ayat di dalam al-Quran yang memiliki fadilat tertentu. Di dalamnya terdapat nama-nama Allah SWT yang agung yang mana jika dibaca dalam doa, doa tersebut akan diperkenankan oleh Allah SWT.³⁶

(6) Firman Allah SWT:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝

Katakanlah: Dialah Allah, Yang Maha Tunggal. Allah adalah Yang Menjadi Tumpuan [bagi memenuhi hajat seseorang].

Surah al-Ikhlās, (112): 1-2.

Ayat di atas ini diturunkan setelah orang Yahudi bertanya tentang sifat-sifat Allah SWT kepada Nabi s.a.w. Ayat ini merupakan surah khas yang menerangkan tentang Allah SWT.³⁷

³⁶ Al-Zuhaylī, Wahbah (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, juz. 3, h. 14.

³⁷ Al-Wāḥidī, Abū al-Ḥasan 'Alī ibn Aḥmad (t.t.), *Asbāb al-Nuzūl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 262.

(7) Firman Allah SWT:

قَالُوا أَتَعْجَبِينَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ رَحْمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ
إِنَّهُ حَمِيدٌ مُجِيدٌ ﴿٧٣﴾

Para malaikat itu berkata: Apakah kamu berasa hairan tentang ketetapan Allah? (Itu adalah) rahmat Allah dan keberkatan-Nya yang diberikan kepada kamu, wahai Ahl al-Bayt³⁸! Sesungguhnya Allah Yang Maha Terpuji [kerana hanya Dia yang berhak menerima segala pujian] lagi Yang Maha Mulia [dengan mencapai puncak ketinggian dan kemuliaan].

Surah Hūd, (11): 73.

Allah SWT meletakkan nama-nama-Nya di sini iaitu *al-Ḥamīd* dan *al-Majīd* setelah memberi berita gembira kepada Nabi Ibrahim a.s. dan isterinya iaitu mereka akan diberi anak meskipun isteri baginda a.s telah berusia lanjut.³⁹

(8) Firman Allah SWT:

وَأَصْرَبُ لَهُمْ مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ
بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيحُ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ﴿٧٤﴾

³⁸ *Ahl al-Bayt* di dalam ayat tersebut merujuk kepada keluarga Nabi Ibrahim a.s., lihat Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il (1999), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Maktabah Shāmilah, edisi kedua, T.T.P: Dār Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 230.

³⁹ Sayyid Quṭb (1990), *op. cit.*, h. 1912.

Dan berilah perumpamaan kepada mereka (manusia), kehidupan dunia umpama air hujan yang kami turunkan dari langit. Maka, menjadi suburlah tumbuh-tumbuhan di muka bumi. Kemudian, tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering yang diterbangkan oleh angin. Dan adalah Allah, Yang Maha Menentukan atas segala sesuatu.

Surah al-Kahfī, (18): 45.

Dalam *Tafsīr al-Bayḍāwī*, nama Allah SWT iaitu *Muqtadir* ini diterjemahkan sebagai *Qādir*.⁴⁰ Senarai dalil-dalil ayat al-Quran ini dapat membuktikan kepentingan memahami dan menghayati nama-nama Allah SWT yang indah tersebut. Jika diteliti dengan cermat, umat Islam akan mendapati terdapat ayat-ayat yang berbentuk perintah dan larangan yang disusuli dengan nama-nama Allah SWT. Umat Islam perlu mengaitkan setiap tuntutan agama yang perlu dilakukan dengan nama-nama Allah SWT yang penuh dengan pengajaran dan iktibar yang sangat berguna. Kadang-kadang, sesuatu nama Allah SWT yang berada di pangkal sesuatu ayat menjelaskan peranan Allah SWT dengan sesuatu perkara, misalnya peranan Allah SWT dalam menentukan perjalanan matahari. Firman Allah SWT:

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ۚ ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾

Dan matahari berjalan pada tempat peredarannya. Demikianlah ketetapan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

Surah Yāsīn, (36): 38.

⁴⁰ Al-Bayḍāwī (1988), *op. cit.*, h. 13. Lihat juga al-Ṭabārī, Muḥammad ibn Jarīr (2000), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, Maktabah Shāmilah, edisi 2, T.T.P.: Mu'assasah al-Risalah, h. 523.

Dalil-dalil al-Sunnah.

Terdapat hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang menyentuh tentang nama-nama Allah SWT selain hadis riwayat al-Turmudhī. Sebahagian hadis tersebut telah memberi penjelasan tentang kelebihan menggunakan nama Allah SWT di dalam doa seseorang. Terdapat juga yang disebut dalam bentuk penjelasan secara khusus tentang nama-nama atau sifat-sifat Allah SWT. Antara hadis-hadis tersebut ialah:

(1) Sabda nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً غَيْرَ وَاحِدٍ مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِيبُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ الْغَفَّارُ الْقَهَّارُ الْوَهَّابُ الرَّزَّاقُ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الْخَافِضُ الرَّافِعُ الْمَعَزُّ الْمُدِلُّ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ الْحَكَمُ الْعَدْلُ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ الْغَفُورُ الشَّكُورُ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ الْحَفِيفُ الْمُنِيبُ الْحَسِيبُ الْجَلِيلُ الْكَرِيمُ الرَّقِيبُ الْمَجِيبُ الْوَاسِعُ الْحَكِيمُ الْوَدُودُ الْمَجِيدُ الْبَاعِثُ الشَّهِيدُ الْحَقُّ الْوَكِيلُ الْقَوِيُّ الْمَتِينُ الْوَلِيُّ الْحَمِيدُ الْمُحْصِي الْمُبْدِئُ الْمُعِيدُ الْمُحْيِي الْمُمِيتُ الْحَيُّ الْقَيُّومُ الْوَاحِدُ الْمَجِدُّ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ الْقَادِرُ الْمُقْتَدِرُ الْمُقَدِّمُ الْمُؤَخَّرُ الْأَوَّلُ الْآخِرُ الظَّاهِرُ الْبَاطِنُ الْوَالِي الْمَتَّعَالِي الْبَرُّ التَّوَّابُ الْمُتَّقِمُ الْعَفُوفُ الرَّءُوفُ مَالِكُ الْمُلْكِ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ الْمُقْسِطُ الْجَامِعُ الْغَنِيُّ الْمُغْنِي الْمَانِعُ الصَّارُّ النَّافِعُ الثَّوْرُ الْهَادِي الْبَدِيعُ الْبَاقِي الْوَارِثُ الرَّشِيدُ الصَّبُورُ

Daripada Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama, sesiapa yang menghafalnya, maka dia akan masuk syurga. Dialah (1) Allah

yang tiada Tuhan melainkan Dia, (2) Yang Maha Pemurah [dengan mengurniakan nikmat-nikmat yang umum untuk semua makhluk], (3) Yang Maha Mengasihani [dengan mengurniakan nikmat-nikmat yang terperinci dan lebih khusus, khususnya kepada orang-orang yang beriman], (4) Yang Memerintah [mengikut kemahuan-Nya], (5) Yang Maha Suci [dari segala kekurangan dan keaiban], (6) Yang Memberi Keselamatan [kepada makhluk-Nya], (7) Yang Mengamankan [makhluk-Nya dari azab] dan Yang Membenarkan janji-Nya [yang dijanjikan kepada makhluk], (8) Yang Menguasai (atau Yang Mendominasi), (9) Yang Mengatasi [orang lain], (10) Yang Maha Mampu Melaksanakan Sesuatu [Perintah-Nya] dan Yang Memperelokkan Urusan Makhluk-Nya, (11) Yang Memiliki Secara Tunggal Sifat Kebesaran, (12) Yang Mencipta [makhluk dari tiada] atau Yang Menentukan Ketentuan kejadiannya dari awal (al-Muqaddir), (13) Yang Mencipta [sesuatu yang ada roh dan Yang Mengadakan [sesuatu yang sudah ada asal usulnya atau Yang Menzahirkan (*al-Muḥīr*) kewujudannya], (14) Yang Memberikan Bentuk [bagi sesuatu sehingga ia terbeza dari sesuatu yang lain], (15) Yang Maha Pengampun, (16) Yang Maha Mengatasi [makhluk-Nya], (17) Yang Maha Memberi [nikmat secara berterusan], (18) Yang Maha Memberi Rezeki [kepada makhluk-Nya dan mencipta jalan-jalan rezeki], (19) Yang Maha Membuka [pintu khazanah rahmat-Nya kepada makhluk], (20) Yang Maha Mengetahui, (21) Yang Memegang roh atau Yang Menyempitkan [rezeki kepada hamba-hambanya yang tertentu], (22) Yang Meluaskan [rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya], (23) Yang Merendahkan [sesiapa yang berhak direndahkan

dengan diberikan kekecewaan, kehinaan dan seksaan], (24) Yang Meninggikan [mereka yang berhak menerima kedudukan yang tinggi terdiri dari kalangan orang-orang yang bertakwa], (25) Yang Memuliakan [sesiapa yang berpegang teguh dengan agamanya dengan mengurniakan kepada mereka kemenangan dan kemuliaan], (26) Yang Menghinakan [musuh-musuh agama-Nya], (27) Yang Maha Mendengar, (28) Yang Maha Melihat, (29) Yang Maha Bijaksana [dalam menetapkan hukum], (30) Yang Maha Adil, (31) Yang Maha Menghalusi (yaitu mengetahui perkara-perkara yang kecil dan halus), (32) Yang Maha Mengetahui, (33) Yang Maha Lembut (yaitu tidak cepat murka dan tergesa-gesa menjatuhkan hukuman atau mengenakan balasan), (34) Yang Maha Agung [dengan mencapai puncak keagungan], (35) Yang Maha Pengampun, (36) Yang Maha Membalas (yaitu dengan memberi balasan yang banyak di atas amalan yang tidak seberapa), (37) Yang Maha Tinggi [sehingga ketinggian-Nya tidak boleh digambarkan oleh akal manusia dan juga difahami], (38) Yang Maha Besar [sehingga kebesaran-Nya tidak boleh digambarkan oleh akal manusia], (39) Yang Maha Memelihara [sesuatu dari kerosakan dan ketidakstabilan, juga menjaga amalan-amalan yang dilakukan oleh seseorang hamba, sehingga tidak akan ada yang dilupakan atau disiasikan], (40) Yang Mencipta dan Mencukupkan Makanan Yang Mengenyangkan [bagi rohani dan jasmani manusia], (41) Yang Mencukupkan [keperluan hamba-Nya] atau Yang Menghitung [suratan amalan hamba-Nya pada hari kiamat], (42) Yang Maha Luhur (kerana keluhuran dan kesempurnaan sifat-sifat-Nya), (43) Yang Maha Pemurah (yaitu dengan mengurniakan sesuatu tanpa diminta atau tanpa

mengharapkan balasan dari hamba-Nya), (44) Yang Amat Mengamati [sesuatu dan memerhatikannya], (45), Yang Amat Memperkenankan Doa [hamba-Nya apabila mereka berdoa dan meminta pertolongan dari-Nya], (46) Yang Maha Luas [sehingga rahmat-Nya meliputi segala perkara dan ilmu-Nya mencakupi segala perkara], (47) Yang Maha Memiliki Kebijaksanaan [kerana kesempurnaan ilmu-Nya dan ketekunan-Nya dalam melakukan sesuatu], (48) Yang Maha Penyayang [terhadap makhluk-Nya dengan sentiasa menginginkan kebaikan untuk makhluk-Nya dan sentiasa memperelok urusan mereka], (49) Yang Maha Mulia [dengan mencapai puncak ketinggian dan kemuliaan], (50) Yang Membangkitkan (iaitu dengan membangkitkan atau mengutuskan rasul kepada manusia atau membangkitkan manusia di dalam kubur), (51) Yang Menyaksikan [sesuatu perkara dan mengetahui tentang makhluk-Nya], (52) Yang Benar atau Yang Tetap [dan tidak berubah], (53) Yang Menjadi Wakil [bagi menjaga urusan makhluk-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka], (54) Yang Maha Kuat [dengan memiliki kekuatan yang sempurna], (55) Yang Maha Kukuh atau Perkasa [kerana telah mencapai puncak keperkasaan], (56) Yang Maha Melindungi [urusan makhluk-Nya kerana Dia amat menyayangi makhluk-Nya dan ingin menolong mereka], (57) Yang Maha Terpuji [kerana hanya Dia yang berhak menerima segala pujian], (58) Yang Maha Penghitung [sehingga tidak ada sesuatupun yang tidak diketahui-Nya], (59) Yang Memulai [sesuatu daripada tiada], (60) Yang Mengembalikan [sesuatu selepas ketiadaannya], (61) Yang Menghidupkan [iaitu dengan memberikan kehidupan kepada sesuatu yang berhak hidup], (62)

Yang Mematikan, (63) Yang Hidup [kekal abadi], (64) Yang Berdiri Sendiri [dan mendirikan sesuatu yang lain, di mana dengan-Nya berdiri langit dan bumi], (65) Yang Mendapat [apa yang diinginkan-Nya tanpa memerlukan pertolongan orang lain], (66) Yang Mulia, (67) Yang Maha Tunggal, (68) Yang Menjadi Tumpuan [bagi memenuhi hajat seseorang], (69) Yang Maha Kuasa, (70) Yang Menentukan, (71) Yang Mendahulukan sesuatu [di atas sesuatu yang lain dari segi kewujudan, kemuliaan, masa dan tempat], (72) Yang Mangakhirkan sesuatu [dari sesuatu yang lain], (73) Yang Pertama (iaitu Yang Qadim dan tidak didahului oleh sesuatu yang lain), (74) Yang Akhir, (75) Yang Maha Nyata [dengan menzahirkan kewujudan-Nya berdasarkan tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya di alam ini], (76) Yang Maha Tersembunyi [zat-Nya sehingga tidak diketahui oleh sesiapaupun], (77) Yang Maha Menguasai [sesuatu dan memilikinya], (78) Yang Maha Suci [dari segala kekurangan], (79) Yang Banyak Mengurniakan Kebaikan [kepada makhluk-Nya], (80) Yang Menerima Taubat (iaitu dengan memberi taufik kepada orang yang derhaka untuk bertaubat, kemudian taubat mereka diterima-Nya), (81) Yang Memberi Balasan [kepada orang yang berhak menerimanya], (82) Yang Maha Pemaaf, (83) Yang Maha Pengasih, (84) Yang Menguasai Kerajaan-Nya [di mana segala perkara yang berlaku di langit dan bumi selaras dengan kehendak-Nya], (85) Yang Memiliki Kebesaran dan Kemuliaan, (86) Yang Maha Mengadili (iaitu dengan memberi balasan yang setimpal ke atas pelaku kezaliman), (87) Yang Mengumpulkan [sesuatu] atau Yang Mengumpulkan [manusia pada hari kiamat], (88) Yang Maha Kaya [tidak

memerlukan sesuatu dari makhluk-Nya, bahkan makhluk-Nya amat memerlukan-Nya], (89) Yang Memberi Kekayaan [sesiapa yang dikehendaki-Nya], (90) Yang Maha Menghalang (iaitu yang membela makhluk-Nya dan menghalang faktor-faktor kemusnahan mereka), (91) Yang Memberi Kemudaratan [iaitu dengan menurunkan seksaan dan mengenakan musibah kepada para seterusnya], (92) Yang Memberi Manfaat [kepada makhluk-Nya sehingga manfaat tersebut dapat dikecapi secara meluas di dunia ini], (93) Yang Maha Bercahaya (iaitu Yang Zahir hakikat diri-Nya dan menzahirkan kewujudan-Nya kepada orang lain berdasarkan tanda-tanda kewujudan-Nya di alam ini), (94) Yang Memberi Petunjuk, (95) Yang Maha Mencipta Sesuatu Yang Baru [sehingga tiada tandingan ciptaan-Nya itu], (96) Yang Maha Kekal [untuk selama-lamanya], (97) Yang Mewarisi [iaitu Yang Kekal selepas kemusnahan segala maujud], (98) Yang Maha Cerdik [sehingga dengan sifat ini, Dia boleh memberi tunjuk ajar kepada makhluk-Nya], (99) Yang Maha Penyabar (iaitu tidak tergesa-gesa mengenakan seksaan dan tidak gopoh dalam melakukan sesuatu).⁴¹

Menurut al-Khaṭṭābī, nama Allah SWT yang paling masyhur ialah *Allāh*, kerana nama-nama-Nya yang lain

⁴¹ Al-Turmudhī, Ibn 'Isā Muḥammad Ibn 'Isā Sawrah (2000), *Sunan al-Turmudhī, Kitāb al-Da'awāt 'an Rasūlillāh SAW, Bāb Mā Jā'a fi 'Aqḍ al-Tasbīḥ bi al-Yad*, no. hadis. 3507, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, cet. 3, Arab Saudi: Dār As-Salām, h. 2012. Lihat juga Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysaburī. *Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fi Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḍl Man Aḥṣāhā*, no hadis. 4836, juz 13, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 171.

telah disandarkan kepada nama tersebut. Diriwayatkan juga bahawa nama *Allāh* merupakan nama yang paling agung. Sebagai tambahan kepada kelebihan nama ini, menurut Abū al-Qāsim al-Ṭabarī, nama *Allāh* disandarkan dengan nama-nama-Nya yang lain seperti *al-Ra'ūf* dan *al-Karīm* sehingga kedua-dua nama tersebut digelar *Asmā' Allāh*. Sebaliknya, nama-nama tersebut tidak pula disebut *Asmā' al-Ra'ūf* atau *al-Karīm Allāh*. Ulama sudah bersepakat bahawa, hadis ini bukanlah menandakan bahawa hanya ini sahaja jumlah nama-nama bagi Allah SWT. Hadis di atas hanya memberi fokus kepada kelebihan menghafal dan beramal dengan nama-nama tersebut. Bahkan, Al-Ḥāfiẓ Abū Bakar Ibn al-'Arabī al-Mālikī mengatakan bahawa Allah SWT memiliki seribu nama.⁴²

(2) Sabda Rasulullah s.a.w:

مَا أَصَابَ أَحَدًا قَطُّ هَمٌّ وَلَا حَزَنٌ فَقَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَإِنُّ عَبْدُكَ وَإِنُّ
أَمَتُكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ مَاضٍ فِي حُكْمِكَ عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ
هُوَ لَكَ سَمِّيَتْ بِهِ نَفْسٌ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ
اسْتَأْثَرْتَهُ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِبِيعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي
وَجِلَاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّي إِلَّا أَذْهَبَ اللَّهُ هَمَّهُ وَحُزْنَهُ وَأَبْدَلَهُ مَكَانَهُ فَرَجًا

Tidak ada sesuatu kedukacitaan atau kesedihan yang menimpa seseorang, lantas dia berdoa [dengan berkata], "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku adalah hamba-Mu dan anak hamba-Mu dan anak hamba perempuan-Mu, Ubun-ubun kepalaku di tangan Engkau. Hukuman yang

⁴² Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb fī Asmā' Allāh Ta'ālā wa Faḍl Man Aḥṣāhā*, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 38.

telah Engkau tetapkan akan berlaku ke atasku, penetapan hukum yang telah Engkau putuskan amat adil. Aku bermohon dengan semua nama yang telah Engkau namakan sendiri dengan-Nya diri Engkau atau [nama] yang telah Engkau ajarkan setiap orang dari makhluk-Mu atau Engkau telah turunkan-Nya di dalam kitab-kitab-Mu atau Engkau telah sembunyikan [pengetahuan mengenainya] di alam ghaib di sisi-Mu, bahawa Engkau jadikan al-Quran ini penenang hatiku dan cahaya [yang menyinari] dadaku dan penghapus dukacitaku serta penghilang perasaan dukacitaku", melainkan Allah akan menghapuskan perasaan dukacita dan sedihnya itu dan menggantikannya dengan perasaan lapang dada.⁴³

(3) Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّهُ كَانَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسًا وَرَجُلٌ يُصَلِّي
ثُمَّ دَعَا اللَّهَ ثُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنَّ لَكَ الْحَمْدُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْمَنَّانُ بَدِيعُ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَدْ دَعَا اللَّهُ بِاسْمِهِ الْعَظِيمِ الَّذِي إِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ وَإِذَا
سُئِلَ بِهِ أُعْطِيَ.

Daripada Anas sesungguhnya dia telah duduk bersama dengan Rasulullah s.a.w, dan ketika itu terdapat seorang lelaki yang sedang bersolat kemudian berdoa: "Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu kerana sesungguhnya bagi Engkau pujian tiada Tuhan melainkan Engkau,

⁴³ Alḥmad ibn Ḥanbalī: *Musnad Alḥmad*, Bāb 'Abdullāh ibn Mas'ūd Raḍiyallāhu 'anhu, no. hadis. 4528, juz. 8, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 63.

Yang Maha Pemberi Nikmat, Yang Maha Mencipta langit dan bumi [sesuatu yang baru sehingga tiada tandingan ciptaan-Nya itu], wahai Yang Memiliki Kebesaran dan Kemuliaan, wahai Yang Maha Hidup [kekal abadi], wahai Yang Maha Berdiri Sendiri [dan mendirikan sesuatu yang lain, di mana dengan-Nya berdiri langit dan bumi]". Maka bersabda Nabi s.a.w: Sesungguhnya dia telah berdoa kepada Allah dengan nama-Nya Yang Maha Agung [dengan mencapai puncak keagungan], yang mana apabila didoakan dengan nama itu nescaya akan diperkenankan dan apabila diminta dengan nama itu akan diberikan.⁴⁴

Hadis di atas menunjukkan kelebihan menyebut nama-nama Allah SWT dalam doa kepada Allah SWT. Hadis ini juga menyatakan bahawa al-Mannān merupakan salah satu daripada nama-nama Allah SWT di samping *al-Badī'*, *Dhū al-Jalāl wa al-Ikrām*, *al-Ḥayy* dan *al-Qayyūm*. Di dalam *Sharḥ 'Awn al-Ma'būd*, *al-Mannān* dinyatakan sebagai bermaksud "banyak memberi *al-minnah* iaitu nikmat". Dijelaskan juga dalam kitab yang sama, nama Allah SWT *al-Badī'* memberi maksud mencipta sesuatu yang belum pernah dibuat sebelumnya. Manakala *Dhū al-Jalāl wa al-Ikrām* pula bermaksud Maha Pemilik Kebesaran dan Kenikmatan.⁴⁵

⁴⁴ Abu Dawūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath, *Sunan Abū Dawūd: Kitāb al-Ṣalāt, Bāb al-Du'ā'*, no hadis. 1277, juz. 4, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 291.

⁴⁵ Shams al-Ḥaqq al-'Azīm 'Abādī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad, *'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd: Kitāb al-Ṣalāt, Bāb al-Du'ā'*, juz. 3, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 423.

(4) Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ أَنَّهُ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ الزُّبَيْرِ يَقُولُ فِي خُطْبَتِهِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْهَادِي وَالْفَاتِنُ.

Daripada 'Amru ibn Dinar sesungguhnya dia berkata: Aku mendengar 'Abdullah ibn al-Zubayr yang berkata di dalam khutbahnya: Sesungguhnya Allah adalah Maha Pemberi Petunjuk dan Pemberi Ujian.⁴⁶

Dalam kitab *al-Muntaqā*, syarah bagi kitab *Muwattā'*, dijelaskan bahawa *al-Hādī* berkait rapat dengan *al-hidāyah* yang merujuk kepada dua makna. Pertama, ia bermaksud al-'īdāl dan al-irshād yang bererti penerangan dan memberi pertunjuk, seperti kita mengatakan bahawa seseorang menunjukkan jalan kepada orang lain. Keduanya, bermaksud *al-tawfiq* yang bererti memberi hidayah kepada mereka yang dikehendaki oleh Allah SWT. Makna ini menepati firman-Nya:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Sesungguhnya engkau tidak akan dapat menunjuki orang engkau cintai tetapi Allah yang dapat menunjuki orang yang dikehendaki-Nya.

Surah al-Qaṣaṣ, (28): 56.

⁴⁶ Mālik ibn Anas al-Aṣḥabī al-Madinī, *Muwattā': Kitāb al-Jāmi'*, *Bāb al-Nahyu 'an al-Qawl bi al-Qadar*, no hadis. 1397, juz. 5, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 373.

Jadi, maksud ini berbeza dengan maksud yang pertama, kerana Nabi s.a.w dapat memberi penerangan tentang Islam dan menunjukkan jalan yang benar kepada manusia tetapi baginda s.a.w tidak dapat memberi hidayah untuk mereka agar menerima Islam. Manakala, maksud *al-Fātin* ialah berkait dengan perkataan *al-fitnah* yang bermaksud *al-ikhtibār* iaitu ujian dan bermaksud *al-khidhlān* iaitu tidak membantu.⁴⁷ Jadi, Allah SWT memberi ujian dan cabaran kepada hamba-hamba-Nya.

(5) Nabi s.a.w bersabda:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ "حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ" قَالَهَا إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ حِينَ أُلْقِيَ فِي النَّارِ وَقَالَهَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَالُوا: "إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ"⁴⁸.

Daripada Ibn 'Abbas: (Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Wakil [bagi menjaga urusan makhluk-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka]). Nabi Ibrahim a.s membaca ayat ini ketika dicampak ke dalam api dan Nabi Muhammad s.a.w membaca ayat ini ketika mereka berkata: "Sesungguhnya manusia (orang Quraysh) telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, maka takutlah kepada mereka". Maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Wakil [bagi menjaga

⁴⁷ *Al-Muntaqā, Sharah Muwaṭṭā': Kitāb al-Jāmi', Bāb al-Nahyu 'an al-Qawl bi al-Qadar*, juz. 4, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 280. Lihat juga Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukrim (t.t.), *op. cit.*, juz. 11, h. 202.

⁴⁸ Surah Āli 'Imrān, (3): 173.

urusan makhluk-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka].⁴⁹

Menurut Ibn 'Abbās, ayat tersebut menjelaskan tentang seorang utusan yang diutus oleh Abū Sufyān iaitu Nu'aym Ibn Mas'ūd kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk memberitahu berita kedatangan Abū Sufyān dan tenteranya yang telah berada di Laṭimah iaitu pasar yang berdekatan dengan Mekah dengan tujuan menakutkan baginda s.a.w dan para sahabatnya supaya mereka tidak keluar dari Madinah. Namun, Nabi s.a.w dan para sahabatnya bersifat berani, di mana Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya tidak pernah gentar dengan ugutan tersebut, malahan mereka mengucapkan (حَسْبُنَا اللَّهُ) (وَنَعْمَ الْوَكِيلُ). Ayat ini ditafsirkan oleh Ibn 'Abbās sebagai merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan penuh nabi s.a.w dan para sahabatnya dengan pertolongan Allah SWT.⁵⁰ Ayat tersebut mengandungi nama Allah SWT iaitu *al-Wakīl* yang bermaksud Yang Menjadi Wakil [bagi menjaga urusan makhluk-Nya dan memenuhi segala keperluan mereka].

⁴⁹ Al-Bukhārī, Abū 'Abdullāh Muḥammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, Bāb Inna al-Nās Qad Jama'ū lakum Fakhshahum*, no hadis. 4197, juz. 14, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 40.

⁵⁰ Ibn 'Abbās, *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās*, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 77. Lihat juga Ibn Hishām, *Sīrah Ibn Hishām*, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 120. Lihat juga Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, Bāb Inna al-Nās Qad Jama'ū lakum Fakhshahum*, juz. 12, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 429.

(6) Sabda nabi s.a.w:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَابَ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ.

Daripada Abū Hurayrah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w: Sesiapa yang bertaubat sebelum terbit matahari dari sebelah barat nescaya Allah akan menerima taubatnya.⁵¹

Ulama menjelaskan bahawa tempoh taubat di atas ialah tempoh masa yang ditetapkan oleh Allah SWT bagi menerima taubat. Ayat yang berbunyi *tāballāh ‘alayh* bermaksud Allah SWT menerima taubatnya dan meredai hamba-Nya. Ia menepati salah satu daripada nama-nama-Nya iaitu *al-Tawwāb*. Al-Nawāwī juga menambah di dalam kitab syarahnya iaitu terdapat syarat agar taubat diterima iaitu sebelum tiba *al-ghargharah* yang bermaksud waktu nazak.⁵²

(7) Sabda Nabi s.a.w:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ يُجِبُّ أَنْ يَكُونَ تَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً قَالَ إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ.

⁵¹ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysaburī, *Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb Istihbāb al-Istighfār wa al-Istikhār Minhu*, no hadis. 4872, juz. 13, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 218.

⁵² Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf, *Sharah al-Nawawī ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb Istihbāb al-Istighfār wa al-Istikhār Minhu*, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 67.

Daripada 'Abdullah ibn Mas'ud daripada Nabi s.a.w bersabda: Tidak masuk syurga bagi mereka yang ada di dalam hatinya sifat sombong walau sebesar zarah. Berkata seorang lelaki: Sesungguhnya ada lelaki yang sukakan pakaian yang baik dan kasut yang baik. Sabda Nabi s.a.w: Sesungguhnya Allah itu cantik, Dia sukakan kecantikan.⁵³

Hadis ini menyatakan bahawa setiap urusan Allah SWT adalah baik dan indah. Bagi-Nya juga nama-nama yang elok iaitu *al-Asmā' al-Ḥusnā* di samping memiliki sifat-sifat yang sempurna dan indah. Menurut Imam Abū al-Qāsim al-Qushayrī, makna *Jamīl* di sini ialah *al-Jalīl* iaitu Yang Maha Luhur (kerana keluhuran dan kesempurnaan sifat-sifat-Nya). Menurut Imam Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī, ia bermaksud *dhū al-nūr wa al-bahjah* iaitu pemilik cahaya dan kecantikan.⁵⁴

(8) Rasulullah s.a.w bersabda:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كُنْتُ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ يَا غُلَامُ إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ أَحْفَظُ اللَّهُ تَجِدُهُ تُجَاهَكَ إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ.

⁵³ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Imān, Bāb Taḥrīm al-Kibr wa Bayānihi*, no hadis. 131, juz. 1, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 247.

⁵⁴ Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā ibn Sharf, *Sharāḥ al-Nawawī 'alā Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim: Kitāb al-Imān, Bāb Taḥrīm al-Kibr wa Bayānihi*, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 67. Lihat juga Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukrīm (t.t.), *op. cit.*, juz. 2, h. 216.

Daripada Ibn 'Abbas telah berkata: Aku pernah berada di belakang Rasulullah s.a.w pada suatu hari, maka sabda Nabi s.a.w: Wahai budak, sesungguhnya aku ingin ajarkan kepadamu beberapa perkataan. Jagalah Allah nescaya Allah akan menjaga kamu, jagalah Allah nescaya kamu akan mendapati Allah memuji kepadamu. Apabila kamu ingin meminta maka mintalah kepada Allah, dan apabila kamu ingin meminta pertolongan maka mintalah pertolongan kepada Allah. Dan ketahuilah, sesungguhnya ummah jika mereka berkumpul untuk memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu nescaya mereka tidak mampu memberi manfaat kepadamu melainkan sesuatu manfaat yang telah dicatatkan oleh Allah kepadamu. Dan jika mereka berkumpul untuk memberi mudarat kepadamu dengan sesuatu, nescaya mereka tidak mampu memberi mudarat kepadamu melainkan sesuatu mudarat yang telah dicatatkan oleh Allah kepadamu.⁵⁵

Hadis di atas menjelaskan bahawa sesiapa yang menjaga Allah SWT iaitu mematuhi perintah dan larangan-Nya, maka Allah SWT akan menjaganya dengan memelihara mereka dalam segala keburukan dan seksaan di dunia dan akhirat.⁵⁶ Hadis ini menepati nama Allah SWT iaitu *al-Ḥafīz* yang bermaksud Yang Maha Memelihara [sesuatu dari kerosakan dan ketidakstabilan, juga menjaga amalan-amalan yang dilakukan oleh seseorang hamba,

⁵⁵ Al-Turmudhī, Abū 'Isā Muḥammad ibn 'Isā, *Sunan Turmūdhi: Kitāb al-Zuhd 'an Rasūlillāh Ṣallallāhu 'alaihi wa Sallam, Bāb Minhu*, no hadis. 2440, juz. 9, Maktabah Shāmilah, edisi 2, h. 56.

⁵⁶ Al-Mubārakfūrī, Abū al-'Ulā Muḥammad 'Abd al-Raḥmān, *Tuḥfah al-Aḥwadhī, Sharah Sunan Turmūdhi: Kitāb al-Zuhd 'an Rasūlillāh Ṣallallāhu 'alaihi wa Sallam, Bāb Minhu*, juz. 6, h. 308.

sehingga tidak akan ada yang dilupakan atau disiasikan].

Daripada paparan dalil-dalil daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w, dirumuskan bahawa umat Islam perlu memahami bahawa sebahagian *al-Asmā' al-Ḥusnā* telah disebut oleh Allah SWT dan dijelaskan oleh Nabi s.a.w di dalam al-Quran dan hadis. *al-Asmā' al-Ḥusnā* mempunyai kelebihan tersendiri seperti dapat digunakan di dalam doa untuk memohon sesuatu hajat dengan Allah SWT. Sebahagian lagi, dijelaskan dalam bentuk keterangan-keterangan yang menggalakkan umat Islam agar melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Di samping itu, didapati juga bahawa sebahagian nama-nama Allah SWT tersebut boleh dikaitkan sebagai pendorong untuk membangkitkan semangat dan meningkatkan rasa tawakal manusia kepada Allah SWT. Secara keseluruhannya, dapat difahami bahawa *al-Asmā' al-Ḥusnā* mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu yang perlu dihayati oleh individu Muslim bagi meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT, sehingga penghayatan tersebut akan memberi kesan positif dalam perjalanan hidup mereka di dunia ini.

***Al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam Karya Ulama.**

Kedudukan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam wacana akidah sangat penting kerana topik utama perbahasan akidah antaranya ialah ilmu ketuhanan. Oleh kerana kedudukan tersebut, ulama terdahulu telah membahaskan *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam kitab-kitab mereka dengan terperinci. Antaranya ialah 'Abd al-Mālik ibn 'Abd Allāh Al-Juwaynī (m. 478H), al-Imam al-Ghazālī (m. 505H) dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H). Al-Juwaynī di dalam kitab beliau yang berjudul *Kitāb al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-I'tiqād*, mengemukakan tajuk khusus yang menjelaskan nama-nama Allah SWT, iaitu pendapat tentang makna-

makna nama-nama Allah SWT. Beliau membahaskan perkataan *al-tasmiyyah*, *al-musammā* dan *al-ism* pada bahagian pendahuluan tajuk. Tajuk tersebut mengandungi tiga fasal. Pada fasal pertama, beliau menjelaskan nama-nama Allah SWT hanya boleh ditetapkan oleh *sharā'*. Tetapi, jika tiada dalil yang menunjukkan kepada penetapan itu sama ada ia dibolehkan atau dilarang, maka ia tidak boleh dihalalkan dan tidak pula diharamkan.⁵⁷

Pada fasal kedua, sebelum beliau menjelaskan nama-nama Allah SWT secara ringkas, beliau membahagikan nama-nama Allah SWT kepada tiga bahagian:⁵⁸

- a) Nama-nama yang merujuk kepada hubungan dengan diri zat-Nya, iaitu penamaan yang berhubung dengan kewujudan-Nya.
- b) Nama-nama yang merujuk kepada hubungan dengan selain-Nya, iaitu penamaan yang berhubung dengan perbuatan-Nya seperti Yang Maha Pencipta dan Yang Maha Pemberi Rezeki.
- c) Nama-nama yang tidak pula dikaitkan dengan diri zat-Nya dan hubungan dengan selain-Nya, iaitu penamaan yang berhubung dengan *ṣifah qadīmah* seperti Yang Maha Mengetahui dan Yang Maha Berkuasa.

Dalam fasal ketiga, beliau membahaskan tentang sifat-sifat Allah SWT yang termasuk dalam perkara *mutashābihāt* seperti *yadayn*, *‘aynayn* dan *wajh* Allah SWT. Menurut beliau, sebahagian ulama berpendapat bahawa *al-yadayn* dan *al-wajh* adalah dua sifat yang terisbat pada Allah SWT dan jalan untuk mengisbatkannya

⁵⁷ Al-Juwaynī, ‘Abd al-Malik ibn ‘Abdillāh (1995), *Kitāb al-Irshād ilā Qawā’i’ al-Adillah fī Uṣūl al-‘Itiqād*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 60-61.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 62-67.

ialah wahyu atau *al-sam'*; bukannya menerusi akal. Manakala, beliau pula cenderung kepada pendapat yang memberi makna kekuasaan kepada *yadayn*, makna melihat kepada *'aynayn* dan makna kewujudan Allah SWT kepada *wajh* Allah SWT.⁵⁹

Imam Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m. 505H) juga membahaskan nama-nama Allah SWT dengan menulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ al-Asmā' al-Ḥusnā* setelah diminta oleh seseorang untuk menjelaskan tentang nama-nama Allah SWT. Pada mulanya, beliau teragak-agak kerana persoalan ini perlu ditanggapi secara berhati-hati, rumit untuk dibincangkan, dan di luar kemampuan manusia untuk membicarakan sifat *rubūbiyyah* Allah SWT. Di samping itu, beliau memahami bahawa, menjawab persoalan yang diajukan oleh orang yang bertanya adalah kewajiban agama. Beliau membahagikan kitab ini kepada tiga bahagian yang dinamakan *ḥimūn* iaitu:⁶⁰

- a) Bahagian pertama membahaskan persoalan *al-ism*, *al-musammā* dan *al-tasmiyyah*. Beliau juga membahaskan nama-nama Allah SWT yang membawa pengertian yang hampir sama iaitu *al-'Azīm*, *al-Kabīr* dan *al-Jalīl*. Selain itu, beliau juga membahaskan nama-nama Allah SWT yang membawa banyak makna serta kebahagiaan yang bakal dikecapi oleh manusia yang menjadikan nama-nama Allah SWT tersebut sebagai akhlak dalam kehidupan mereka.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 67.

⁶⁰ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (t.t.), *al-Maqṣad al-Asnā fi Sharḥ al-Asmā' al-Ḥusnā*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3-4. Lihat juga Mohd Abdul bin Abu Samah@Hashim (2006), "Pemikiran Akidah al-Imām al-Ghazzālī Dalam Kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn: Analisis Terhadap Kitab Qawā'id al-'Aqā'id*" (Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 41-42.

- b) Bahagian kedua pula mengandungi perbicaraan tentang tujuan dan matlamat kitab tersebut. Bahagian ini menghuraikan sembilan puluh sembilan nama Allah SWT secara terperinci.
- c) Bahagian ketiga menyatakan bahawa nama-nama Allah SWT tidak hanya berjumlah sembilan puluh sembilan kerana terdapat kelebihan-kelebihan dikhususkan jumlah tersebut.

Beliau juga menyatakan bahawa nama-nama Allah SWT merupakan perkara *tawqīfiyyah* yang tidak boleh diambil melainkan melalui al-Quran dan hadis. Nama-nama Allah SWT yang terdapat di dalam nas-nas tersebut berjumlah lebih banyak daripada sembilan puluh sembilan nama. Beliau juga menjelaskan tentang perbezaan makna meskipun lafaz itu hampir sama seperti *al-Ghāfir* yang merujuk kepada asal *al-maghfirah*, *al-Ghaffīr* yang merujuk kepada banyak keampunan berkaitan dengan banyak dosa dan *al-Ghaffār* yang merujuk kepada memberi pengampunan secara berulang-ulang. Beliau juga menjelaskan tidak boleh mengambil nama-nama Allah SWT daripada perbuatan-perbuatan Allah SWT seperti *al-Kāshif* daripada *yakshif*, *al-Fāṣil* daripada *yafsil* dan *al-Qāḍī* daripada *qaḍaynā*.⁶¹ Beliau menulis kitab ini berdasarkan kaedah kesufian setelah penulisan kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan sebelum penulisan kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*. Jadi, terdapat banyak istilah-istilah dan kata-kata ulama tasawuf yang terdapat dalam karya tersebut.⁶²

Menurut al-Ghazālī, setiap nama Allah SWT mempunyai maknanya yang tersendiri yang berbeza dengan yang lain walaupun terdapat beberapa nama yang

⁶¹ Al-Ghisnī, 'Abdullāh ibn Ṣālih (1996), *Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, Riyāḍ: Dār al-Waṭn, h. 253-254.

⁶² *Ibid.*, h. 258.

seakan-akan mempunyai pengertian yang sinonim seperti *al-Kabīr* dan *al-'Azīm* yang merujuk kepada Yang Maha Besar/Agung, *al-Qādir* dan *al-Muqtadir* yang merujuk kepada Yang Berkuasa, *al-Khāliq*, *al-Bārī* dan *al-Muṣawwir* yang merujuk kepada Yang Maha Pencipta/Pembuat, namun pengertiannya berbeza antara satu sama lain.⁶³ Sebagai orang yang beriman, kita perlu memahami betul-betul pengertian nama-nama Allah SWT dan wajib memahaminya berdasarkan makna yang sesuai dan layak bagi Allah SWT, misalnya *al-Ṣabūr* yang tidak boleh ditafsirkan sebagai "Yang Maha Sabar" dengan pengertian "seseorang yang dapat menanggung segala kesusahan" kerana makna ini mustahil bagi Allah SWT, tetapi difahami dengan makna "Yang Tidak Tergesa-gesa Menjatuhkan Hukuman ke atas makhluk-Nya", atau *al-Ḥalīm* yang tidak boleh ditafsirkan dengan makna "Yang Bersabar Menanggung Penderitaan" kerana makna tersebut juga mustahil bagi Allah SWT, tetapi dengan makna "Yang Tidak Tergesa-gesa Menjatuhkan Hukuman kepada orang yang menderhakainya", iaitu pengertian yang hampir sama dengan *al-Ṣabūr* tadi.⁶⁴ Firman Allah SWT:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

Surah al-Shūrā, (42): 11.

Di samping itu, al-Ghazālī turut menjelaskan bahawa zat, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya hanya mampu difahami oleh mereka yang diberi kemampuan

⁶³ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid (2003), *al-Maqṣad al-Asnā fī Sharḥ Ma'āni Asmā' Allāh al-Ḥusnā*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 40.

⁶⁴ Nūḥ 'Alī Salmān (2004), *op. cit.*, h. 83.

'mendengar' dan keupayaan 'menyaksikan'. Mereka ialah golongan yang menyatakan *shahādah al-tawḥīd* dengan memelihara akidah dari kegelapan akibat keraguan dan kebimbangan. Mereka merupakan hamba pilihan-Nya yang menuju ke arah *manhaj* yang lurus dan jalan yang betul. Mereka juga dibimbing oleh Allah SWT dalam mengikuti jejak Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda s.a.w.⁶⁵ Mereka bukanlah golongan yang melampaui batasan seperti golongan *Jahmiyyah*⁶⁶ dan *Mushabbihah*⁶⁷. Al-Ghazālī turut menjelaskan tentang penyucian zat Allah SWT, sifat-sifat-Nya iaitu *ḥayāh, qudrāh, 'ilm, irādah, sama', baṣar, kalām* dan perbuatan-perbuatan-Nya.⁶⁸ Semua topik yang dibahasakan adalah berkaitan dengan *al-Asmā' al-Ḥusnā*.

Selain itu, Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606H) juga merupakan tokoh ulama yang turut membahasakan nama-nama Allah SWT. Beliau menjelaskan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT dari sudut ilmu kalam di dalam kitab *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn*. Terdapat empat puluh bab yang dibahasakan. Tajuk yang berkaitan dengan nama-nama

⁶⁵ Al-Ghazālī, Muḥammad Abū Ḥamid (1992), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Takhrīj al-Ḥāfiẓ al-'Irāqī, Beirut: Dār al-Jīl, h. 117-120.

⁶⁶ Golongan ini dinisbahkan kepada Jahm Ibn Ṣafwān yang berpendapat bahawa Allah tidak mempunyai nama-nama dan sifat-sifat. Menurut mereka, jika Allah mempunyai nama-nama atau sifat-sifat nescaya ia menyamakan Allah SWT dengan makhluk yang mempunyai nama dan sifat, lihat al-Ḥanafī, Ṣadr al-Dīn 'Alī ibn 'Alī (t.t.), *Sharḥ al-Taḥāwīyyah fī al-'Aqīdah al-Salafiyyah*, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 58. Lihat juga Al-Jaylānī, 'Abd al-Qādir (1976), *al-Ghunyah li Ṭālib Ṭarīq al-Ḥaqq*, Pakistan: Khawar Lahor, h. 90.

⁶⁷ Golongan ini terbahagi kepada tiga aliran iaitu *al-Hishāmiyyah, al-Muqātiliyyah* dan *al-Wāsimiyyah*. Walaupun berbeza pandangan, mereka bersepakat bahawa Allah mempunyai jisim kerana tidak logik bagi mereka jika setiap kewujudan tersebut tidak mempunyai jisim, lihat *Ibid.*, h. 93. Lihat juga 'Umar Sulaymān al-Ashqar (1994), *Asmā'ullāh wa Ṣifātuhu fī Mu'taqad Ahli al-Sunnah wa Al-Jamā'ah*, Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 155-157.

⁶⁸ Al-Ghazālī, Muḥammad Abū Ḥamid (1992), *op. cit.*, h. 117-120.

dan sifat-sifat Allah SWT terletak pada bab ketiga sehingga bab kedua puluh enam. Antara nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT yang dibahasakan di dalam kitab tersebut ialah *al-Qādir*, *al-‘Ālim*, *al-Murīd*, *al-Ḥayy*, *al-Samī‘* dan *al-Baṣīr*.⁶⁹ Dalam kitabnya yang lain, iaitu *Lawāmi‘ al-Bayyināt fī al-Asmā’ wa al-Sifāt*, beliau membahagikan topik perbincangan kepada tiga bahagian iaitu:⁷⁰

- a) Beberapa prinsip dan pendahuluan, iaitu bahagian yang dibahagikan pula kepada sepuluh fasal yang membahasakan tentang hakikat *al-ism*, *al-musammā* dan *al-tasmiyyah*.
- b) Beberapa maksud dan matlamat, iaitu bahagian yang membahasakan tentang perbezaan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT, penjelasan mengenai asal bagi nama dan pandangan ulama kalam mengenainya.
- c) Beberapa penambahan dan penyempurnaan, iaitu bahagian yang membahasakan tiga kumpulan manusia yang berbeza dalam menetapkan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Pertama, golongan yang menafikan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Kedua, golongan yang menafikan sifat-sifat tetapi menetapkan nama-nama Allah SWT iaitu golongan ahli falsafah klasik dan golongan *al-Ṣābi‘ah*⁷¹. Ketiga, Golongan yang menetapkan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT.

⁶⁹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn (1986), *al-Arba‘īn fī Uṣūl al-Dīn*, Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah, h. 173, 188, 205, 218, 236.

⁷⁰ Al-Ghiṣnī, ‘Abdullāh ibn Ṣāliḥ (1996), *op. cit.*, h. 267-268.

⁷¹ Golongan ini terbahagi kepada dua golongan. Pertama, golongan *al-Ṣābi‘ah* yang mentauhidkan Allah yakni kaum Nabi Ibrahim yang berada di Harran. Kedua, golongan *al-Ṣābi‘ah Mushrik* yang mengagung-agungkan bintang-bintang dan planet-planet, lihat *Ibid.*

Mereka berusaha menghimpun nama-nama Allah SWT berdasarkan keterangan al-Quran dan al-Sunnah. Sebahagian nama-nama Allah SWT menunjukkan atas zat-Nya yang Maha Tinggi seperti *Allāh*, menunjukkan satu sifat tertentu yang dimiliki-Nya seperti *al-'Alīm* yang menunjukkan zat Allah SWT yang bersifat mengetahui segala sesuatu, *al-Qādir* yang menunjukkan zat Allah SWT yang bersifat berkuasa atas segala perkara. Nama-nama Allah SWT yang elok adalah bersifat *qadīm* iaitu sedia kala. Allah SWT sendiri yang menamakan diri-Nya dengan nama-nama tersebut. Dia juga yang mengajarkan kepada makhluk-Nya sebahagian nama-nama-Nya menerusi perantaraan para Rasul a.s. Nama-nama-Nya wujud sebelum makhluk ciptaan-Nya dijadikan-Nya. Dalam ertiannya bahawa, Dia *al-Qādir* (Yang Berkuasa) sebelum sesuatu yang ada di alam ini diwujudkan dengan kekuasaan-Nya. Dia *al-Samī'* (Maha Mendengar) sebelum segala *mawjūd* dan segala sesuatu yang boleh didengar (*al-masmū'āt*) wujud di dalam ini. Semua makhluk tidak terlibat langsung dalam memberi nama kepada Allah SWT, bahkan Dia sendiri yang menamakan zat-Nya yang bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan.⁷²

Perbincangan mengenai *al-Asmā' al-Ḥusnā* dalam wacana akidah memang tidak dapat dikecualikan. Ini kerana, salah satu saluran *ma'rifatullāh* ialah mencapai kefahaman terhadap *al-Asmā' al-Ḥusnā*, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya. Semua aspek ini terkandung di dalam perbincangan *al-Asmā' al-Ḥusnā*. Manusia boleh mengkaji tentang Allah SWT dalam hal-hal yang berkaitan dengan dalil-dalil kewujudan, sifat-sifat, nama-nama dan perbuatan-Nya, tetapi tidak dapat mengkaji tentang zat Allah SWT. Firman-Nya:

⁷² Nūḥ 'Alī Salmān (2004), *op. cit.*, h. 81-82.

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan, dan Dialah Yang Maha Menghalusi (iaitu mengetahui perkara-perkara yang kecil dan halus) lagi Maha Mengetahui.

Surah al-An'ām, (6): 103.

Inilah asas bagi dakwah para Rasul a.s.⁷³ Kefahaman yang mantap terhadap nama-nama Allah SWT akan memperkukuh penghayatan seseorang muslim terhadap tuntutan nilai yang terkandung dalam nama-nama tersebut dalam kehidupan manusia. Mereka akan menterjemahkan pengetahuan dan penghayatan mereka di dalam semua aspek kehidupan mereka. Jadi, disebabkan kepentingan ini, para ulama sepanjang zaman memainkan peranan secara bersungguh-sungguh untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* ini.

Kesimpulan.

Berdasarkan paparan di atas, dirumuskan bahawa pengetahuan *al-Asmā' al-Ḥusnā* merupakan ilmu yang berada pada kedudukan yang mulia dalam pencapaian *ma'rifatullāh*. *Al-Asmā' al-Ḥusnā* mempunyai sandaran nas-nas al-Quran dan hadis. Justeru itu, ia dapat dijadikan panduan yang jelas dalam memahami nama-nama Allah SWT. Di dalam wacana akidah, para ulama telah menghuraikan makna-makna *al-Asmā' al-Ḥusnā* melalui kitab-kitab karangan mereka. Usaha ini bertujuan

⁷³ 'Imād Zakī al-Bārūdī (t.t.), *Asmā'ullah al-Ḥusnā li al-Imām Ibn al-Qayyim*, T.T.P.: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 17.

untuk membantu masyarakat mencapai kefahaman yang jelas terhadap nama-nama Allah SWT. Kefahaman tentang *al-Asmā' al-Ḥusnā* sangat penting dalam kehidupan manusia kerana ia adalah langkah awal untuk menghayati nilai-nilai yang terkandung dalam nama-nama tersebut dalam kehidupan manusia.

M. F. Hamat & M. H. Shuhari, "Al-Asmā' al-Ḥusnā", *Alkar* (2010), 11: 1-54